

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)48**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

48. Bagaimana kerajaan menilai keberkesanan dan keadilan perkhidmatan Bas Percuma CAT?
- (a) Berapakah peratus pengguna warganegara berbanding bukan warganegara?
  - (b) Sejauh mana kerajaan mempertimbangkan caj nominal kepada bukan warganegara?
  - (c) Bagaimanakah liputan laluan mengutamakan B40, OKU dan kawasan luar bandar?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

48. Kerajaan Negeri sentiasa menilai keberkesanan dan keadilan pelaksanaan perkhidmatan Bas Percuma CAT sama ada perkhidmatan CAT Bridge mahupun CAT George Town melalui pemantauan data pengguna, tahap liputan laluan, serta impak sosial dan ekonomi terhadap komuniti setempat. Jumlah bilangan penumpang akan dikemukakan oleh pihak operator setiap minggu dan jumlah ini akan dipantau oleh pihak Kerajaan Negeri sama

ada meningkat ataupun menurun. Tren peningkatan dan penurunan ini akan dikaji oleh pihak Kerajaan Negeri bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan Bas Percuma CAT. Melalui data bilangan penumpang ini juga, bilangan bas akan ditentukan dan laluan-laluan yang lebih berpotensi dapat diteliti dengan lebih baik.

(a) Buat masa ini, tiada data rasmi yang membezakan peratusan pengguna warganegara dan bukan warganegara bagi perkhidmatan Bas Percuma CAT memandangkan Kerajaan Negeri berhasrat menyediakan perkhidmatan percuma kepada seluruh penduduk Pulau Pinang. Namun yang demikian, berdasarkan rekod Rapid Penang, 39.8% daripada jumlah penumpang (*total ridership*) terdiri daripada pengguna Pas Mutiara yang hanya layak dinikmati oleh warganegara Malaysia yang menggunakan pengangkutan awam dengan kekerapan yang tinggi secara harian. Mengambil kira penggunaan pembayaran secara tunai dan penggunaan pas lain, anggaran keseluruhan pengguna warganegara dianggarkan antara 55% hingga 60% bagi laluan berbayar termasuk Bas Percuma CAT.

- (b) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mengenakan tambang caj nominal kepada bukan warganegara bagi perkhidmatan Bas Percuma CAT. Namun, memandangkan negeri Pulau Pinang merupakan negeri berorientasikan pelancongan, pendekatan yang lebih mesra pelancong menjadi keutamaan bagi mengekalkan imej negeri sebagai destinasi mudah diakses dan mesra pengunjung. Pihak kerajaan negeri masih mengkaji kebolehlaksanaan cadangan pengenaan caj nominal ini dan kajian terhadap mekanisme caj berperingkat masih dijalankan dengan mengambil kira keseimbangan antara keperluan sosial, ekonomi dan daya tarikan pelancongan.
- (c) Rangkaian liputan laluan diatur oleh Rapid Penang dengan memberi keutamaan kepada kawasan berpendapatan rendah (B40), komuniti OKU, pelajar dan kawasan luar bandar. Kawasan yang terdapat banyak perumahan kos rendah sering diberi keutamaan dengan rangkaian bas yang bersepadu dan efisien seperti di Padang Tembak, Paya Terubong, Farlim, Relau, Bayan Baru, Tanjong Tokong, Teluk Bahang dan Bukit Mertajam. Bagi kawasan luar

bandar dengan kadar penggunaan lebih rendah, pendekatan berasaskan frekuensi bersasar bagi perkhidmatan bas dan perkhidmatan *Rapid On Demand* (ROD) turut dilaksanakan bagi memastikan akses kepada jaringan pengangkutan awam yang inklusif.